



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHBAR

SURAT KHBAR	:	MINGGUAN MALAYSIA			
TARIKH	:	11/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPNK			

Mingguan Msia,
11 Jul 2021_8

Tiada Musang King haram di Kedah

ALOR SETAR: Kerajaan negeri tidak menerima laporan mengenai pencerobohan hutan simpan atau tanah kerajaan negeri untuk ditanam durian Musang King atau tanaman lain.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, penanaman Musang King cuma dibuat di kawasan tidak melebihi 20 peratus keluasan daripada ladang hutan ganti di satu-satu kawasan, seperti dibenarkan.

Katanya, langkah itu bagi memastikan kawasan ladang hutan ganti di seluruh negeri mematuhi cadangan asal Jabatan Perhutanan di seluruh negara supaya ditanam dengan spesies kayu lembut atau tanaman getah klon balak (TLC).

"Namun, bagi kawasan ladang hutan ganti, memang ada permohonan untuk menanam spesies buah-buahan. Maka Jabatan Perhutanan Negeri sebelum ini telah meluluskan 20 peratus daripada tiap-tiap kawasan ladang hutan ganti di satu-satu kawasan, untuk ditanam dengan buah-buahan," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini semalam.

Muhammad Sanusi menambah, sewaktu mula memegang tampuk pentadbiran negeri selepas berlaku peralihan kuasa pada tahun lalu, beliau mendapati jumlah kelulusan untuk ladang hutan ganti di negeri ini berjumlah 22,000 hektar.

"Jika bersandarkan kuota



MUHAMMAD SANUSI MD. NOR

ditetapkan, kelulusan ladang hutan ganti perlulah bersamaan dengan lima peratus daripada simpanan hutan sesebuah negeri. Itu bermakna kuota ladang hutan di Kedah adalah 15,000 hektar.

"Namun, sejak dari mula kami mengambil alih tampuk pentadbiran negeri, didapati kelulusan ladang hutan ganti di Kedah telah pun melebihi 7,000 hektar kuota negeri," katanya.

Tambahnya, bagi mengawal keadaan iu, kerajaan negeri telah mengambil langkah awal dengan tidak membenarkan kelulusan ladang hutan di kawasan sensitif seperti lokasi berhampiran takungan air masyarakat, hutan simpan kekal, empangan dan kampung-kampung.